

# **Dun & Bradstreet Tatakелakuan Rakan Kongsi**

2019

Dun & Bradstreet mempunyai warisan kejayaan yang panjang, berakar umbi dalam komitmen kami untuk kecemerlangan dan integriti. Selama hampir 200 tahun, kami telah membina reputasi untuk sentiasa melakukan perkara yang betul—malah kami telah dinamakan sebagai salah satu Syarikat Paling Beretika di Dunia. Ini merupakan reputasi yang kami usahakan setiap hari untuk dipertahankan dengan menunjukkan komitmen kami terhadap integriti dan nilai-nilai yang telah membantu kami untuk menjadi pemimpin dalam data komersial dan wawasan.

Keluarga Dun & Bradstreet adalah ...

- **Dinspirasi Data** - Kami mempunyai minat yang mendalam tentang kuasa data. Ia adalah teras bagi semua perkara yang kami lakukan.
- **Berterusan Ingin Tahu** - Kami menerima perubahan di dunia sekeliling kami. Kami tahu ia membawa masalah baharu untuk diselesaikan, perkara baharu untuk dipelajari dan cara baharu untuk berkembang.
- **Sangat Pemurah** - Kami berjaya dengan membantu orang lain berjaya. Kami berkongsi masa dan bakat kami secara terbuka, dan kami dengan mengalu-alukan bantuan orang lain dengan penuh keyakinan.

Matlamat kami adalah untuk membina warisan kami dan memeliharanya untuk tahun-tahun yang akan datang. Mencapai matlamat tersebut menuntut semua orang yang bekerja bagi pihak kami untuk mengamalkan Nilai-nilai kami, jadi kami bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang berkongsi komitmen kami.

Sila baca Tatakelakuan ini dengan teliti dan gunakannya sebagai bimbingan dalam keputusan dan interaksi harian anda. Kemudian, maklumkan kami jika anda melihat kelakuan yang melanggar Tatakelakuan, dasar kami atau undang-undang. Sentiasa tanya soalan jika sesuatu tidak jelas atau rasa tidak kena.

Ingat bahawa setiap hari membawa peluang baharu untuk menyokong pelanggan Dun & Bradstreet dan meningkatkan warisan dan reputasi kami. Tatakelakuan Rakan Kongsi kami akan membantu anda memanfaatkan peluang tersebut dan melakukan perkara yang betul, setiap hari, dalam setiap langkah.

Tulus,  
Executive Leadership Team

## Isi Kandungan

### Tatakelakuan Kami

#### Komitmen Kami terhadap Pekerja

- Kami Mengutamakan Pekerja
- Menghormati Kesehatan dan Keselamatan
- Menghormati Hak Asasi Manusia
- Menghormati Alam Sekitar

#### Komitmen Kami terhadap Syarikat dan Pemegang Saham kami

- Mengendalikan Konflik Kepentingan
- Mematuhi Dasar Hadiah dan Hiburan Kami
- Bercakap bagi Pihak Dun & Bradstreet
- Rangkaian Sosial
- Melindungi Aset Dun & Bradstreet
  - Aset Fizikal dan Elektronik
  - Maklumat Sulit
  - Harta Intelektual
  - Privasi Data
- Mengekalkan Integriti Kewangan
- Mematuhi Undang-undang Perdagangan Orang Dalam

#### Komitmen Kami untuk Menjalankan Perniagaan secara Adil dan Jujur

- Antirasuah
- Perdagangan Global
- Antipengubahan Wang Haram dan Mengetahui Kewajipan Pelanggan Anda
- Persaingan Wajar/Antitrust
- Pematuhan dengan Kontrak Kerajaan
- Amalan Jualan yang Adil dan Beretika

#### Mengemukakan Soalan dan Kebimbangan

## Tatakelakuan Kami

Melaksanakan pekerjaan kami dengan integriti adalah perkara yang membezakan kami, dan sesiapa yang bekerja bagi pihak kami mesti menunjukkan komitmen yang sama yang telah kami lakukan terhadap standard etika yang tinggi.

"Rakan kongsi" kami termasuk pembekal, penyedia data, vendor, penyedia perkhidmatan, ejen, pengedar, rakan niaga, perunding, kontraktor, pemegang lesen kami dan ahli-ahli Dun & Bradstreet Worldwide Network. Kami menganggap setiap rakan kongsi sebagai lanjutan kepada Dun & Bradstreet dan mengharapkan mereka supaya menjalankan perniagaan secara jujur dan berintegriti. Kami juga mengharapkan rakan kongsi kami untuk memilih subkontraktor yang berkongsi Nilai-nilai kami dan komitmen kami dalam menjalankan perniagaan secara sah, beretika dan menurut semua kewajipan kontrak.

Sebagai rakan kongsi kami, anda mempunyai tanggungjawab untuk memahami dan mendukung Tatakelakuan ini dan untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang, peraturan, kaedah, ordinan dan piawaian tempatan, negeri, persekutuan dan antarabangsa, di negara anda beroperasi.

Jika anda menyedari kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan ini atau mana-mana undang-undang atau dasar yang berkaitan dengan perkhidmatan yang anda sediakan untuk Dun & Bradstreet, sama ada dalam organisasi anda atau di tempat lain, anda mempunyai kewajipan untuk melaporkannya dengan segera. Kegagalan untuk mematuhi Tatakelakuan boleh memberi akibat yang teruk terhadap Dun & Bradstreet dan terhadap anda. Selain merosakkan jenama dan reputasi Dun & Bradstreet, kelakuan yang melanggar Tatakelakuan juga boleh melanggar undang-undang dan mengakibatkan tuntutan sivil dan/atau pendakwaan jenayah.

Dun & Bradstreet akan mengambil tindakan pemulihan yang sesuai untuk pelanggaran Tatakelakuan, dasar atau kontrak yang berkenaan, sehingga dan termasuk penamatan hubungan perniagaan dan pemulihan ganti rugi, yang dijamin oleh fakta dan keadaan yang berkaitan.

## Komitmen Kami terhadap Pekerja

### **Kami Mengutamakan Pekerja**

Dun & Bradstreet komited ke arah persekitaran kerja yang memupuk rasa hormat terhadap semua orang dan mencerminkan kepelbagaian komuniti di tempat kami beroperasi. Kami mengharapkan rakan kongsi kami untuk berkongsi komitmen ini dan mempromosikan tingkah laku yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan, kelakuan kasar dan membuli yang menyalahi undang-undang. Kami juga mengharapkan supaya anda akan mengiktiraf dan menghormati hak pekerja untuk membentuk, menyertai (atau tidak menyertai) organisasi pekerja pilihan mereka dan untuk menyertai tawar-menawar kolektif, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

### **Menghormati Kesihatan dan Keselamatan**

Kami berusaha mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif, dan kami mengharapkan rakan niaga kami untuk melakukan perkara yang sama. Ikuti prosedur kerja yang selamat dan patuhi semua undang-undang dan peraturan di negara anda beroperasi. Galakkan pekerja untuk bekerja dengan selamat dan segera melaporkan sebarang keadaan yang tidak selamat.

### **Menghormati Hak Asasi Manusia**

Kami mengharapkan rakan kongsi di seluruh rantaian bekalan global kami untuk menyokong Hak Asasi Manusia dan menggalakkan rakan kongsi untuk menerima pakai piawaian yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Perisytiharan Hak Asasi Manusia PBB. Berikan pampasan kepada pekerja anda selaras dengan semua undang-undang yang berkaitan termasuk yang berkaitan dengan gaji minimum dan jam kerja lebih masa. Jangan ambil pekerja kanak-kanak bawah umur atau buruh paksa atau membenarkan apa-apa bentuk hukuman fizikal atau penyalahgunaan, dan ambil langkah-langkah untuk memastikan perhambaan dan pemerdagangan manusia tidak berlaku di dalam organisasi anda atau organisasi yang anda bekerja.

### **Menghormati Alam Sekitar**

Kami juga mengharapkan rakan kongsi kami untuk mematuhi undang-undang, dasar, permit dan peraturan yang berkenaan kerana ia berkaitan dengan melindungi alam sekitar dan memulihara tenaga dan sumber semula jadi. Sertai kami dalam usaha mengurangkan impak alam sekitar operasi kita di mana sahaja anda menjalankan perniagaan.

## **Komitmen Kami terhadap Syarikat dan Pemegang Saham Kami**

### **Mengendalikan Konflik Kepentingan**

Keputusan perniagaan berkenaan Dun & Bradstreet hendaklah sentiasa dibuat untuk kepentingan terbaik syarikat kami. Sebagai rakan kongsi kami, kami mengharapkan anda mengenal pasti situasi yang boleh menimbulkan konflik, malahan mengelakkan bias daripada kelihatan berlaku dan, jika anda menyedari kemungkinan konflik, untuk mendedahkannya dengan segera. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai sama ada sesuatu boleh menjadi konflik kepentingan, kemukakan isu ini dengan segera kepada sumber dalaman anda atau mana-mana sumber Dun & Bradstreet.

### **Mematuhi Dasar Hadiah dan Hiburan kami**

Pertukaran hadiah dan hiburan juga merupakan sebuah lingkungan di mana konflik kepentingan dan kelakuan tidak wajar boleh timbul. Pastikan apa-apa yang anda berikan atau terima mematuhi undang-undang dan tidak menjejaskan—atau mungkin kelihatan menjejaskan—keupayaan anda atau keupayaan pekerja kami untuk membuat keputusan yang adil dan tidak berat sebelah bagi pihak Dun & Bradstreet. Jangan berikan sebarang hadiah atau hiburan yang banyak atau tidak munasabah kepada sesiapa dalam konteks hubungan anda dengan Dun & Bradstreet.

### **Bercakap bagi Pihak Dun & Bradstreet**

Kami ingin memastikan maklumat yang tepat tentang syarikat kami disampaikan kepada media, orang awam, pihak berkuasa kawal selia dan lain-lain, jadi kami telah menetapkan individu penting untuk berperanan sebagai jurucakap rasmi syarikat kami. Sila jangan buat sebarang kenyataan atau bercakap dengan wartawan bagi pihak Dun & Bradstreet.

### **Rangkaian Sosial**

Libatkan diri dalam media sosial dengan cara yang sah dan beretika. Lindungi maklumat perniagaan sulit mengenai syarikat kami, pekerja kami, pelanggan kami dan mana-mana syarikat lain yang bekerjasama dengan kami. Jika anda menyiarkan sebarang kandungan yang berkaitan dengan Dun & Bradstreet atau kerja anda dengan syarikat kami, sertakan penafian yang menunjukkan bahawa pandangan yang dinyatakan tidak mewakili syarikat kami.

## **Melindungi Aset Dun & Bradstreet**

Menghormati aset kami, melindunginya daripada penyalahgunaan, manipulasi, kerosakan, kehilangan, kecurian atau, dalam hal maklumat, pendedahan kepada pihak yang tidak dibenarkan. Kami juga mengharapkan anda supaya mengekalkan reputasi kami dan jenama kami yang sangat dihormati.

### **Aset Fizikal dan Elektronik**

Aset fizikal dan elektronik kami adalah harta syarikat dan disediakan untuk kegunaan perniagaan. Jangan gunakannya untuk kegunaan peribadi atau di luar kerja, dan jangan gunakannya secara menyalahi undang-undang atau tanpa kebenaran.

### **Maklumat Sulit**

Jangan sekali-kali berkongsi maklumat sulit dengan sesiapa yang tidak dibenarkan melihat atau menggunakannya sebagai sebahagian daripada tugas mereka. Ingat, kewajipan anda untuk melindungi maklumat syarikat kami berterusan walaupun hubungan perniagaan kami dengan organisasi anda tamat.

### **Harta Intelektual**

Hormati tanda dagangan, hak cipta, paten dan aset lain kami (termasuk penerbitan dalaman Dun & Bradstreet dan program perisian yang dibangunkan untuk atau oleh syarikat kami). Harta intelektual ini dimiliki oleh Dun & Bradstreet dan mesti dilindungi dan diuruskan dengan sewajarnya, mengikut cara yang ditetapkan oleh kontrak anda atau perjanjian kerahsiaan.

### **Privasi Data**

Patuhi semua undang-undang, peraturan, kaedah dan ordinan privasi data tempatan, negeri, persekutuan dan antarabangsa yang berkaitan tanpa mengira perkhidmatan yang anda berikan kepada kami. Anda juga harus mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian industri bagi keselamatan maklumat yang berkenaan.

## **Mengekalkan Integriti Kewangan**

Kami mengharapkan rakan kongsi kami untuk mengekalkan buku dan rekod yang tepat dan lengkap dan memastikan semua maklumat kewangan yang dikongsi dengan Dun & Bradstreet juga tepat dan lengkap. Semua rekod yang disediakan untuk atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan Dun & Bradstreet, termasuk keputusan kewangan dan operasi, mestilah: dengan jelas menggambarkan semua transaksi, pembayaran dan peristiwa yang berkaitan; difailkan tepat pada masanya; dan mematuhi semua undang-undang yang berkenaan serta sebarang kawalan dan prosedur dalaman.

## **Mematuhi Undang-undang Perdagangan Orang Dalam**

Secara umumnya, adalah tidak sah bagi mana-mana orang yang mempunyai maklumat material, bukan awam ("dalam") mengenai Dun & Bradstreet atau mana-mana syarikat untuk membeli atau menjual sekuriti (stok, opsyen, dll.) syarikat tersebut. Memberi maklumat material dan bukan awam kepada orang lain supaya mereka boleh berdagang (dipanggil "memberi tip") juga merupakan pelanggaran kedua-dua Tatakelakuan Rakan Kongsi ini dan undang-undang sekuriti A.S., dan ia membawa akibat yang sama—walaupun pemberian tip itu terjadi secara tidak sengaja atau jika anda tidak berdagang untuk sekuriti itu sendiri.

## Komitmen kami untuk Menjalankan Perniagaan secara Adil dan Jujur

### **Antirasuah**

Patuhi semua undang-undang dan peraturan anti-rasuah di negara (atau negara-negara) di mana anda beroperasi. Jangan sekali-kali menawarkan, memberi kuasa, memberi, menjanjikan, menerima atau menawarkan untuk menerima, apa-apa yang bernilai sebagai pertukaran untuk kelebihan yang tidak wajar. Ini termasuk bayaran pemudahan, yang merupakan bayaran yang lebih kecil yang dibuat untuk memudahkan perkhidmatan rutin perkeranian atau pentadbiran. Pemberian hadiah dan hiburan harus dikendalikan dengan sangat berhati-hati dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar yang berkenaan. Pastikan buku dan rekod mencerminkan sifat semua transaksi secara tepat, dan dapatkan penjelasan apabila anda mempunyai sebarang soalan.

### **Perdagangan Global**

Dun & Bradstreet mematuhi semua undang-undang dan peraturan perdagangan A.S. dan antarabangsa yang berkenaan dengan perniagaan kami dan mengharapkan rakan kongsi kami melakukan hal yang sama. Sebelum mengeksport produk atau perkhidmatan, pastikan anda menyemak peraturan yang boleh dikenakan sama ada ke atas lokasi penghantaran atau penerima. Anda mungkin dikehendaki untuk mendapatkan lesen atau permit khusus.

### **Antipengubahan Wang Haram dan Mengetahui Kewajipan Pelanggan Anda**

Kami mematuhi semua undang-undang yang ditetapkan untuk menghalang usaha jenayah, mencegah keganasan dan melindungi keselamatan negara syarikat-syarikat di mana kami menjalankan perniagaan. Amalkan penilaian yang baik semasa berurusan dengan pelanggan atau rakan niaga lain untuk mencegah penggunaan aktiviti perniagaan Dun & Bradstreet secara tidak sengaja bagi tujuan pengubahan wang haram atau pembiayaan pengananas.

### **Persaingan Wajar/Antitrust**

Kami bersaing secara wajar dan mengharapkan rakan kongsi kami untuk berkongsi komitmen teguh kami dalam untuk menjalankan perniagaan dan mencapai kejayaan secara berintegriti. Patuhi semua undang-undang antitrust dan persaingan global di mana sahaja anda beroperasi, dan jangan sesekali memasuki sebarang persetujuan yang menyekat persaingan secara tidak sah.

### **Pematuhan dengan Kontrak Kerajaan**

Dalam kebanyakan kes, rakan kongsi kami membantu kami untuk memenuhi kontrak kerajaan. Oleh itu, dan di mana berkenaan, kami menyedari bahawa syarat-syarat yang berkaitan dengan kontrak kerajaan secara amnya lebih ketat berbanding syarat-syarat yang mengawal kontrak komersial kami. Adalah penting untuk anda juga menyedari akan hal ini, dan mematuhi semua terma dan kewajipan kontrak. Ingat, kewajipan kontrak anda juga dikenakan ke atas vendor dan subkontraktor yang memenuhi perkhidmatan atau melaksanakan tugas dalam kontrak kerajaan kami.

### **Amalan Jualan yang Adil dan Beretika**

Kami sentiasa bertindak dengan piawaian integriti dan etika perniagaan yang tertinggi dan mengharapkan perkara yang sama daripada rakan kongsi kami. Sentiasa: bertindak dengan integriti;; dan jangan sesekali memperdaya, menipu atau memutarbelitkan fakta.

## Mengemukakan Soalan dan Kebimbangan

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan dalam situasi tertentu, luangkan masa untuk mendapatkan bimbingan. Anda boleh bertanya atau mengemukakan kebimbangan dengan menghubungi sumber Dun & Bradstreet berikut:

Hubungan	Sumber																																				
Talian Penting Pematuhan Global 24/7 Dun & Bradstreet	<p>Laporkan melalui telefon:</p> <p>Di A.S. dan Kanada: 1-888-734-0377</p> <p>Di luar A.S. dan Kanada,</p> <table> <tr><td>UK</td><td>+ 0-808-189-1384</td></tr> <tr><td>Hong Kong</td><td>+ 800-906-528</td></tr> <tr><td>Australia</td><td>+ 1-300-896-529</td></tr> <tr><td>Netherlands</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>New Zealand</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Denmark</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>France</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Italy</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Philippines</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Spain</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Malaysia</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Belgium</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Switzerland</td><td>00-80077881234</td></tr> <tr><td>Ireland</td><td>+ 353-766803957</td></tr> <tr><td>China</td><td>+ 400-120-4032</td></tr> <tr><td>Taiwan</td><td>+ 00801-49-1257</td></tr> <tr><td>India</td><td>+ 000-800-050-1460</td></tr> <tr><td>Japan</td><td>0120-952-594</td></tr> </table> <p>Atau dalam talian:  <a href="https://www.integritycounts.ca/org/DNB">https://www.integritycounts.ca/org/DNB</a></p>	UK	+ 0-808-189-1384	Hong Kong	+ 800-906-528	Australia	+ 1-300-896-529	Netherlands	00-80077881234	New Zealand	00-80077881234	Denmark	00-80077881234	France	00-80077881234	Italy	00-80077881234	Philippines	00-80077881234	Spain	00-80077881234	Malaysia	00-80077881234	Belgium	00-80077881234	Switzerland	00-80077881234	Ireland	+ 353-766803957	China	+ 400-120-4032	Taiwan	+ 00801-49-1257	India	+ 000-800-050-1460	Japan	0120-952-594
UK	+ 0-808-189-1384																																				
Hong Kong	+ 800-906-528																																				
Australia	+ 1-300-896-529																																				
Netherlands	00-80077881234																																				
New Zealand	00-80077881234																																				
Denmark	00-80077881234																																				
France	00-80077881234																																				
Italy	00-80077881234																																				
Philippines	00-80077881234																																				
Spain	00-80077881234																																				
Malaysia	00-80077881234																																				
Belgium	00-80077881234																																				
Switzerland	00-80077881234																																				
Ireland	+ 353-766803957																																				
China	+ 400-120-4032																																				
Taiwan	+ 00801-49-1257																																				
India	+ 000-800-050-1460																																				
Japan	0120-952-594																																				
<p>Pasukan pematuhan:</p> <p>Ketua Pegawai Pematuhan Aryeh Friedman</p> <p>Pemimpin, Pematuhan Pihak Ketiga Usman Asif</p>	<p>973-921-5535  <a href="mailto:complianceofficer@dnb.com">complianceofficer@dnb.com</a></p> <p>+61(38)6690051  <a href="mailto:AsifUs@dnb.com">AsifUs@dnb.com</a></p>																																				

*Talian Penting Pematuhan Global Dun & Bradstreet diuruskan oleh syarikat luar dan tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Anda boleh melaporkan perkara secara tanpa nama jika anda mahu, jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan, walaupun mengekalkan ketanpanamaan boleh membataskan keupayaan kami untuk menyiasat sepenuhnya kebimbangan anda.*

*Kami akan dengan segera, dengan teliti dan saksama menyiasat semua laporan dan mengambil tindakan sewajarnya sepertimana yang dijamin oleh fakta dan keadaan. Sebagai rakan kongsi Dun & Bradstreet, anda mempunyai kewajiban untuk mematuhi sebarang penyiasatan atau audit dan untuk berkongsi maklumat secara terbuka dan jujur. Kami akan berusaha untuk melindungi kerahsiaan anda dan ketanpanamaan anda, jika berkenaan dan dibenarkan oleh undang-undang tempatan.*



*Kami dengan tegasnya melarang tindak balas dalaman terhadap mana-mana individu kerana melaporkan kemungkinan pelanggaran dengan niat baik dan amat menggalakkan rakan kongsi kami untuk melarang tindakan balas dalam organisasi masing-masing.*